



SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2004

Majlis Penghuni Kolej Kediaman B (MPKKB) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) KUKUM telah menganjurkan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2004 peringkat KUKUM sempena Tahun Baru Cina baru-baru ini. Ia telah dilangsungkan dengan penuh meriah di Dewan Kolej Kediaman Kuala Perlis pada malam 29 Januari 2004 yang lalu. Perasmiannya pula telah disempurnakan oleh YB Puan Ooi Ah Lan, Ahli Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan. Seramai 200 pelajar KUKUM yang terdiri dari berbilang bangsa telah hadir pada majlis tersebut. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Y. Bhg. Rektor KUKUM serta isteri dan juga Ketua-ketua Jabatan KUKUM.

Majlis yang berlangsung dalam suasana yang cukup muhibah ini telah dimulakan dengan persembahan Tarian Singa Robotik, hasil ciptaan para pelajar sendiri. Pelbagai persembahan kebudayaan dan nyanyian juga turut disajikan kepada tetamu yang hadir pada malam tersebut. Tidak lupa juga jamuan ringan juga diadakan sebaik sahaja persembahan berakhir.